Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 3 (2010) 565-584 *Shariah Journal*, Vol. 18, No. 3 (2010) 565-584

PENILAIAN SEMULA TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN KORPORAT BAGI MENGHASILKAN SATU NILAI TAKSIRAN ZAKAT YANG SERAGAM DI MALAYSIA

Sanep Ahmad*
Ahmad Othman**

ABSTRACT

Although JAKIM introduced a business zakat assessment method to be used by zakat centres and the public, the suggested method raises several questions relating to the account of debts and business inventories, which result in a different amount of zakat assessment. Therefore, questions related to debts and inventories in the zakat assessment method need to be re-examined. Thus, this paper attempts to examine the method of zakat assessment, identify the causes of the problem of different amounts of zakat assessment and further analyze possible ways for achieving a consistent, fair and standardized assessment method. The study found that treatment of debts and inventories were inconsistent and that financial debts and commodities debts for the case of debts and raw material inventories and finished goods inventories were treated inconsistently. In order to achieve a consistent and standardized zakat assessment method that would result in a similar amount of zakat, it was suggested that treatment should be consistent for both items. Financial debts for operation

* Associate Professor, School of Economics, Faculty of Economics and Business, National University of Malaysia, Bangi, Selangor. nep@ukm.my
** PhD Students, GSB, National University of Malaysia, Bangi, Selangor.

should be treated in the same way as goods debts. Similarly, raw material inventory and semi-products inventory should be treated consistently with finished goods inventory. An important implication from this study is that the business zakat assessment policy needs to be consistent concerning whether or not to allow deduction for both the cases of debts and inventories accounts.

Keywords: *zakat accounting, business zakat assessment, financial debts, materials debts, raw material inventory, finished goods inventory*

PENDAHULUAN

Zakat perniagaan ialah zakat yang dikenakan ke atas aset perniagaan. Istilah aset perniagaan lahir daripada perkataan arab iaitu '*urūḍ al-tijārah*[1] yang umumnya bermaksud semua barang yang diperniagakan. Ulama-ulama terdahulu, memberi pendapat yang berbeza dalam penentuan zakat perniagaan kerana terdapat perbezaan pandangan dalam menafsirkan maksud aset perniagaan. Selain itu terdapat juga perbezaan pandangan berkenaan syarat nisab dan haul bagi barang. Pendapat mereka kebanyakannya lebih tertumpu dan bersesuaian dengan aset perniagaan yang wujud pada zaman mereka.

Selain itu terdapat juga perbezaan pandangan dikalangan pusat-pusat zakat di Malaysia dalam mentaksirkan maksud barang perniagaan ('*urūḍ al-tijārah*). Antara definisi yang diberi oleh ulama Islam ialah '*urūḍ al-tijārah* ditakrifkan sebagai aset yang diperolehi daripada urusniaga perniagaan[2]. Pusat zakat Perak, Kedah, Wilayah Persekutuan dan lain-lain negeri melihat barang-barang perniagaan meliputi aset semasa iaitu tunai di tangan, tunai di bank, penghutang yang mampu bayar dan inventori yang dinilai pada harga kos[3]. Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Bahagian Zakat, MAIP memberi definisi

---

1 Al-Qaradawi, mengulas pandangan ulama berkenaan definisi '*urūḍ al-tijārah*. Antaranya pandangan Jumhur ulama Syafii yang mengatakan semua yang diniatkan untuk diniagakan adalah barang perniagaan. Niat memainkan peranan penting untuk menentukan sama ada sesuatu barang itu barang niaga atau tidak. Namun begitu ada ulama yang mensyaratkan berlakunya transaksi jual beli sebagai syarat tambahan bagi menentukan barang itu barang perniagaan. Lihat Yusof al-Qaradawi (1996), *Hukum Zakat*. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin (terj.), Bandung: Litera AntarNusa dan Mizan, h. 298.

2 Mohamed Abdul Wahab *et al*. (1995), "Case Study in Malaysia - Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications", (Seminar Proceeding No. 23, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank), h. 352.

3 Ahmad Othman (2003), "Penilaian Aset Dalam Taksiran Zakat Perniagaan: Amalan di Malaysia" (Tesis Sarjana, UKM), h. 110.

barang perniagaan sebagai barang yang diperniagakan termasuk aset semasa dan keuntungan atas pelaburan. Bank Islam pula mengambil aset semasa bersih (aset semasa ditolak tanggungan semasa) dan keuntungan bersih setahun sebagai definisi barang perniagaan[4].

Al-Zuhaili mendefinisikan barang perniagaan sebagai barang dalam dunia sama ada barang perhiasan, aset tidak alih, binatang, tanaman, pakaian dan sebagainya yang disediakan untuk perniagaan. Malah beliau menambah pendapat ulama Malik bahawa perhiasan yang disediakan untuk perniagaan juga termasuk maksud barang perniagaan[5]. Jika barang tersebut dikategorikan sebagai barang perniagaan bermakna ia akan dikenakan zakat dan begitulah sebaliknya.

Pada dasarnya perbezaan antara barang perniagaan yang dikenakan zakat dan yang tidak tidak dikenakan zakat adalah dilihat kepada tujuan penggunaan aset itu didalam aktiviti perniagaan. Sekiranya pemilik menyediakan sesuatu aset (sama ada aset alih atau tidak alih) untuk dijual beli maka aset itu dianggap barang perniagaan dan akan dikenakan zakat. Sebaliknya sekiranya sesuatu aset itu (sama ada aset alih atau tidak alih) dijadikan tempat tinggal, tempat letak barang perniagaan atau tempat perusahaan maka aset itu tidak dikenakan zakat. Pandangan 4 mazhab utama Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu pandangan ulama Hanbali, ulama Hanafi, ulama Maliki dan ulama Syafie telah dirumuskan oleh al-Zūhailī dengan menyatakan secara khusus syarat yang perlu dipenuhi. Syarat barang perniagaan mengikut mazhab-mazhab tersebut telah dirumuskan seperti berikut[6]:-

- Ulama Hanbali memberikan dua syarat iaitu barang perniagaan mestilah dimiliki melalui hasil usahanya iaitu dengan cara membeli dan wujud niat berniaga ketika memiliki aset berkenaan.
- Ulama Hanafi pula meletakkan empat syarat barang perniagaan iaitu cukup nisab, genap haul, niat perniagaan disertai dengan usaha perniagaan (niat tanpa perbuatan tidak memadai).
- Ulama Maliki memberikan lima syarat barang perniagaan iaitu barang niaga itu tidak bergantung pada zakatnya sendiri (seperti emas, perak yang bergantung kepada zakat emas perak dan lembu/kerbau yang bergantung kepada zakat binatang ternakan), barang niaga dimiliki dengan cara jual beli (bukan cara pusaka atau pemberian), niat perniagaan wujud ketika

---

4 *Ibid*., h. 123.

5 Wahbah al-Zuhaili (1999), *Fiqh & Perundangan Islam*, Md Akhir Haji Yaacob *et al*., Jilid II, (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 875.

6 *Ibid*., hh. 876-879.

membeli, harga (nilai) yang digunakan untuk membeli barang perniagaan itu dimiliki dengan cara jual beli (tukaran) bukan dengan cara pusaka atau pemberian dan membezakan peniaga di antara peniaga *muhtakīr* dan peniaga *mudīr* (bukan *muhtakīr*).

- Ulama Syafie pula meletakkan enam syarat barang perniagaan diantaranya ialah barang perniagaan dimiliki dengan cara tukaran (jual beli) bukan dengan cara lain, niat menjadikan wang (melalui perniagaan) walaupun aset itu tidak cukup nisab dan nilai barang-barang perniagaan itu mencapai nisab pada penghujung haul.

Walaupun terdapat banyak syarat bagi memenuhi kategori sebagai barang perniagaan sebagaimana dinyatakan oleh setiap mazhab, namun 3 syarat utama yang dipersetujui oleh semua ulama ialah cukup nisab, genap haul, dan niat perniagaan. Syarat-syarat lain jika ada sesetengahnya merupakan syarat tambahan mengikut sesetengah mazhab.

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Konsep aset perniagaan telah diperjelaskan oleh fuqaha‘ pelbagai mazhab yang semuanya bersumberkan al-Quran dan al-Hadis, ijmak dan qiyas dengan kefahaman yang berbeza. Namun demikian apa yang lebih menyukarkan lagi ialah aset perniagaan hari ini sesetengahnya berbeza sifatnya dengan aset perniagaan yang disebut oleh para fukaha terdahulu. Selain itu pelaporan dalam penyata kewangan syarikat dinyatakan mengikut peraturan dan standard perakaunan konvensional berdasarkan ideologi para sarjana barat. Perakaunan sedemikian sukar difahami kecuali oleh kakitangan yang berpendidikan dalam bidang perakaunan[7]. Oleh itu, kakitangan pusat zakat yang kebanyakannya bukan berlatar belakang perakaunan mengalami kesukaran untuk memahaminya. Di pihak usahawan yang majoritinya berpendidikan barat pula sukar untuk memahami peraturan pemilikan aset perniagaan menurut perspektif Islam.

Para ulama Islam terdahulu telah mengariskan secara umum tentang aset yang diwajibkan zakat dan aset yang tidak diwajibkan zakat dengan merujuk kepada realiti aset perniagaan pada zaman mereka. Sejak lebih 21 abad yang lalu, para ulama telah membincangkan tentang isu-isu fekah dan perakaunan zakat. Perkembangan ini terus berlaku berikutan perubahan ketara dalam kaedah memperolehi kekayaan baru masa kini. Banyak kekayaan baru berlainan sifat dan ciri berbanding dengan sifat dan ciri aset secara umum yang digunapakai

[7] Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (1987), “Zakat in Malaysia – Present and Future Status”, *Journal of Islamic Economics*. Aug-Sept, hh. 47-75.

sejak dulu. Maka cabaran kepada ulama semasa ialah mengenalpasti cara bagaimana boleh mengambil pendapat mereka bagi mengupas realiti semasa dan seterusnya cuba membuat ijtihad baru berkaitan isu-isu tersebut.

Sehingga kini masih terdapat isu yang penting yang harus ditangani berkaitan zakat khususnya berkaitan dengan zakat perniagaan. Berhubung dengan perakaunan zakat perniagaan ini, persoalan yang dikenalpasti secara khusus ialah berlakunya perbezaan nilai dalam taksiran zakat perniagaan di Malaysia[8].

Perakaunan untuk taksiran zakat perniagaan adalah dikenakan keatas barang dagangan (‘*urūḍ al-tijārah*) sahaja iaitu aset yang diperniagakan. Namun demikian memandangkan pentafsiran barang dagangan agak berbeza mengikut mazhab yang berbeza maka berkemungkinan taksiran yang dihasilkan akan memberi nilai taksiran yang berbeza. Perbezaan sedemikian walaubagaimana pun tidak begitu membimbangkan kerana ia adalah taksiran mengikut mazhab yang berbeza. Tetapi apa yang lebih mengelirukan ialah perbezaan nilai taksiran berlaku dalam mazhab yang sama dan dalam kaedah taksiran yang sama khususnya berdasarkan amalan di Malaysia.

Walaupun kaedah yang sama digunakan dalam menaksir zakat seseorang peniaga tetapi ia masih boleh menghasilkan nilai taksiran yang berbeza. Keadaan ini berlaku dalam kes taksiran barang perniagaan yang melibatkan akaun hutang dan inventori. Masalah ini timbul kerana berlaku ketidakkonsistenan dalam prinsip tolakan yang diberikan. Persoalannya ialah bagaimana perkara ini boleh berlaku, dan apakah langkah yang sesuai untuk memperbaikinya. Apakah perubahan yang perlu dilakukan ke atas kaedah sedia ada bagi mewujudkan satu kaedah taksiran zakat yang lebih konsisten.

Sehubungan itu kajian ini akan cuba meneliti isu berkaitan taksiran zakat perniagaan khususnya berkaitan syarat yang melibatkan item perakaunan hutang dan inventori perniagaan dan seterusnya menilai semula kaedah taksiran zakat perniagaan di Malaysia bagi melahirkan kaedah taksiran baru yang konsisten dan dapat menghasilkan nilai taksiran yang seragam.

---

8 Abu Al-Hasan Sadiq (1994), *A Survey of The Institution of Zakah: Issues, Theories and Administration.* Jeddah: Islamic Research and Training Institute, h. 32. Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef (2008), “Debatable Issues In Fiqh Al- Zakat: A Jurisprudential Appraisal”, *Jurnal Fiqh* 5, hh. 117-141.

KAEDAH TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Pada umumnya terdapat 3 kaedah pengiraan zakat yang boleh diamalkan. Kaedah tersebut digunakan sebagai asas dan diamalkan secara berbeza di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia[9]. Kaedah-kaedah tersebut ialah perakaunan zakat berasaskan aset semasa, perakaunan zakat berasaskan aset semasa dan keuntungan, dan perakaunan zakat berasaskan modal kerja.

1. Perakaunan Zakat Berasaskan Aset Semasa

Mengikut kaedah ini di antara elemen aset semasa yang diambilkira untuk tujuan taksiran zakat ialah tunai di tangan, tunai di bank, akaun penghutang bersih (setelah ditolak hutang lapok dan hutang ragu) dan inventori. Inventori dinilai pada harga kos. Kaedah ini diamalkan oleh Majlis Agama Islam bagi Negeri Perak, Kedah, Wilayah Persekutuan, dan Terengganu.

2. Perakaunan Zakat Berasaskan Aset Semasa dan Keuntungan daripada Pelaburan

Kaedah ini hampir sama dengan kaedah pertama di atas, tetapi ditambah dengan keuntungan daripada pelaburan dan inventori yang dinilai pada harga semasa. Kaedah ini diamalkan oleh Baitulmal Perlis dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LTH).

3. Perakaunan Zakat Berasaskan Modal Kerja Bersih dan Keuntungan Perniagaan

Mengikut kaedah ini, jumlah aset yang dikenakan zakat dikira dengan cara mencampurkan semua jumlah aset semasa ditolak jumlah tanggungan semasa dan dicampur dengan keuntungan bersih. Kaedah ini diamalkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad.

Berdasarkan kepada kaedah umum tersebut[10] terdapat beberapa kaedah pengiraan zakat yang diamalkan oleh pusat zakat di Malaysia. Ini adalah kerana proses taksiran melibatkan persoalan teknikal. Perakaunan zakat berasaskan aset semasa terbahagi kepada dua bergantung kepada pertimbangan yang diberi kepada pelaburan dan tanggungan semasa manakala perakaunan zakat berasaskan modal kerja melibatkan pertimbangan ke atas tanggungan semasa dan pelarasan. Kaedah-kaedah tersebut dapat diperincikan seperti berikut:-

---

9 Mohamed Abdul Wahab *et al*. (1995), *op.cit*., h. 352.

10 Ahmad Othman (2003), op.cit., hh. 100-102.

- Kaedah Aset Semasa + Pelaburan

  Kaedah ini menaksirkan zakat berasaskan aset semasa. Walaupun asas aset semasa digunakan, namun beberapa pelarasan terhadap aset juga dilakukan. Namun begitu semua bentuk pelaburan diambilkira dalam pengiraan zakat. Pelaburan itu termasuklah pelaburan dalam saham biasa, saham keutamaan, bon, nota hutang, hak dan waran, pelaburan dalam anak syarikat, pelaburan dalam syarikat bersekutu, hutang perdagangan melebihi satu tahun perbelanjaan dibawa ke hadapan dan lain-lain bentuk pelaburan. Antara pelarasan yang dibuat ialah tolakan terhadap faedah atau wang haram yang diterima, hutang lapok/ragu, inventori usang/lapok dan dana kebajikan.

  Inventori perniagaan yang diambilkira hanyalah inventori barang siap. Inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah atau bekalan ditolak daripada aset semasa. Semua jenis hutang termasuk deposit elektrik, air dan api, pendahuluan dan pinjaman kakitangan, apa-apa bayaran pendahuluan, terhutang oleh pengarah, terhutang oleh anak syarikat tertakluk kepada zakat. Wang tunai di bank sama ada di bank Islam atau bank konvensional diambilkira kecuali faedah bank. Kaedah ini digunapakai oleh pusat zakat Johor, Kedah dan Kelantan.

- Kaedah Aset Semasa + Pelaburan – Tanggungan Semasa

  Kaedah ini juga menaksirkan zakat berasaskan aset semasa. Berbeza dengan kaedah pertama, kaedah ini mengambilkita aset semasa dan pelaburan jangka pendek dan membenarkan tolakan bagi liabiliti-liabiliti tertentu. Jenis pelaburan yang diambilkira termasuklah pelaburan dalam saham biasa, pelaburan dalam saham keutamaan, pelaburan dalam bon manakala lain-lain pelaburan walaupun bersifat jangka panjang juga diambilkira. Sebaliknya pelaburan dalam nota hutang, hak, waran, anak syarikat, syarikat bersekutu tidak diambilkira. Semua jenis inventori termasuk inventori barang siap, inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah atau bekalan diambilkira sebagai aset tertakluk zakat.

  Semua jenis hutang juga diambilkira termasuklah penghutang perdagangan, nota hutang, penghutang kakitangan, pinjaman kakitangan, semua jenis pendahuluan, terhutang oleh pengarah dan anak syarikat, penghutang lain-lain dan bayaran deposit air, letrik, dan telefon. Semua jenis simpanan tunai termasuk tunai di bank dan di tangan tertakluk kepada zakat. Namun begitu semua bentuk faedah dan wang haram ditolak daripada aset semasa. Antara liabiliti semasa yang dibenarkan tolakan termasuklah pemiutang perdagangan, pemiutang operasi dan lain-lain pemiutang, terhutang kepada

syarikat berkaitan, terhutang kepada pengarah, dan semua bentuk pinjaman jangka pendek termasuklah oberderaf, liabiliti jangka pendek secara Islam atau konvensional, liabiliti jangka panjang Islam atau konvensional yang akan matang dalam tempuh 12 bulan. Cadangan cukai dan cadangan dividen tidak diberi tolakan. Kaedah ini digunapakai oleh pusat zakat Wilayah Persekutuan, Perak, Melaka, dan Negeri Sembilan.

- Kaedah Modal Kerja

  Kaedah ini merupakan satu kaedah yang baru diperkenalkan oleh JAKIM. Malah JAKIM (2001)[11] mencadangkan Kaedah Modal Kerja dan Kaedah Modal Berkembang dalam buku Panduan Zakat Di Malaysia terbitan tahun 2001[12]. Mengikut buku panduan ini, Kaedah Modal Kerja (juga disebut Kaedah Syar'iyyah) dan Kaedah Modal Berkembang (juga disebut Kaedah Uruffiyah) adalah sama dan akan menghasilkan aset zakat sebelum perlarasan dalam nilai yang sama. Akan tetapi selepas pelarasan ia mungkin akan menghasilkan nilai yang berbeza kerana kaedah modal kerja[13] dan kaedah modal berkembang[14] mengguna nilai pelarasan yang berbeza. Kaedah ini mula digunapakai oleh beberapa negeri termasuklah Selangor, Pahang, Terengganu dan Perlis.

  Pelarasan meliputi item-item yang dibenarkan dan item-item yang tidak dibenarkan tolakan. Antara item yang dikenakan perlarasan ialah berkaitan akaun hutang/liabiliti kewangan, inventori bahan mentah dan inventori barang separuh siap.

PELARASAN DALAM TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN DAN KESANNYA KE ATAS NILAI TAKSIRAN ZAKAT

Pada masa kini kaedah yang digunakan di Malaysia bagi menaksir zakat adalah kaedah Modal Kerja yang diperkenalkan oleh JAKIM. Persoalan yang timbul dalam menggunakan kaedah ini ialah berkaitan dengan item pelarasan yang terdiri daripada item hutang dan inventori. Ketidakseragaman wujud dalam

---

11 JAKIM (2001), *Panduan Zakat di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), hh. 28-29.

12 Buku ini merupakan buku Panduan Zakat untuk kegunaan pusat-pusat zakat dan orang awan dengan hasrat untuk menyeragamkan kaedah taksiran zakat di Malaysia.

13 Kaedah modal kerja: Aset Semasa – Liabiliti Semasa ± Pelarasan

14 Kaedah modal berkembang: Modal dan Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap dan Aset Bukan Semasa ± Pelarasan

item tersebut berhubung dengan pemberian tolakan atau tiada tolakan dalam taksiran yang boleh mengakibatkan kepada perbezaan nilai taksiran. Persoalan berkenaan item hutang dan inventori serta kesannya dapat diperincikan seperti berikut:

1. Hutang/Liabiliti Kewangan dan Hutang/Liabiliti Bukan Kewangan

Dalam amalan perakaunan semasa, liabiliti kewangan meliputi hutang kewangan jangka panjang dan liabiliti kewangan jangka pendek. Liabiliti kewangan jangka panjang wujud apabila peniaga meminjam daripada bank untuk membiayai pembelian atau pembinaan aset tetap. Antara contoh liabilliti kewangan ini ialah Pinjaman Tetap dan Pinjaman Bon. MASB (2005)[15] melalui FRS 101 mendefinasikan liabiliti semasa sebagai obligasi yang perlu diselesaikan dalam satu pusingan kendalian atau perlu dijelaskan pada masa satu tahun. Lain-lain daripada sifat diatas dikategorikan sebagai liabiliti tak semasa. Item seperti pemiutang perniagaan dan kos-kos operasi terakru juga dikelaskan sebagai liabiliti semasa walaupun ianya akan dijelaskan lebih daripada 12 bulan daripada tarikh kunci kira-kira lalu.

Kaedah taksiran zakat perniagaan yang dicadangkan oleh JAKIM tidak mengiktiraf liabiliti kewangan sebagai liabiliti yang dibenarkan tolakan dalam pengiraan zakat perniagaan. Alasan yang diberikan ialah hutang kewangan adalah aset milik sempurna bagi penerima hutang (peniaga), maka penerima hutang kewangan bertanggungjawab membayar zakat bagi hutang itu. Oleh itu pemberi hutang kewangan tidak dipertanggungjawab membayar zakat kerana penerima hutang kewangan sudah membayar zakat[16]. Berbeza dengan hutang barang (direkodkan sebagai pemiutang perniagaan), liabiliti ini dibenarkan tolakan dengan alasan pemberi hutang membayar zakat berpandukan kaedah zakat yang dicadangkan oleh tabiīn Maimun bin Mirhan.[17]

Ini bermakna hutang wang dan hutang diberi pertimbangan yang berbeza dalam taksiran zakat. Perbezaan pertimbangan ini tentu akan memberi kesan kepada nilai taksiran zakat perniagaan. Kesan daripada layanan yang berbeza ini mengakibatkan peniaga yang mendapatkan pembiayaan hutang kewangan jangka pendek daripada pihak bank dan peniaga yang mendapatkan pembiayaan

---

15 Malaysian Accounting Standards Board (2005), *Financial Reporting Standard*, No. 1, h. 25.

16 Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2006), "Kajian Perbandingan Syarat-syarat Penaksiran Zakat Perniagaan Malaysia dengan FAS AAOIFI", dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 294.

17 Yusof al-Qaradawi (1996), *op.cit* , h. 316.

daripada pembekal melalui hutang barang akan diberi pertimbangan berbeza dalam pengiraan zakat. Kesan layanan berbeza ini ialah ia akan menghasilkan nilai taksiran zakat yang berbeza sebagaimana ditunjukkan didalam Jadual 1 (kes 1). Berdasarkan kepada data hipotetikal, pengiraan zakat bagi kedua-dua jenis peniaga yang berbeza tersebut dapat ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Di dalam kes 1 ini, selain daripada modal sendiri, peniaga A diandaikan mendapat pembiayaan perniagaannya daripada sumber kewangan bank iaitu kemudahan Oberderaf dari bank. Peniaga B pula mendapat pembiayaan kredit daripada pembekal selain daripada modalnya sendiri. Jumlah keseluruhan asset perdagangan masing-masing ialah RM100,000.00.

Berdasarkan kaedah taksiran zakat JAKIM, didapati peniaga A akan dikenakan bayaran zakat sebanyak RM2,500 sedangkan peniaga B pula dikenakan zakat sebanyak RM750 sahaja dengan perbezaan nilai sebanyak RM1,750. Ini bermakna peniaga yang mendapatkan pembiayaan kredit daripada bank berpotensi dikenakan zakat lebih tinggi berbanding dengan peniaga yang mendapat kemudahan kredit daripada pembekal barang. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana kedua-duanya adalah kredit (hutang). Ini memberi gambaran bahawa kaedah penaksiran zakat yang digunakan tidak konsisten dan tidak adil ke atas sesetengah peniaga.

Jadual 1: Peniagaan dengan Pembiayaan Hutang (Kes 1: Hipotetikal)

Peniaga A (Pembiayaan Hutang Kewangan)
Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314

	RM		RM
Tunai	40,000	Modal	30,000
Inventori Barang Siap	60,000	Overderaf	70,000
Jumlah Aset	**100,000**	**Jumlah Aset**	**100,000**

Peniaga B (Pembiayaan Hutang Barang dari Pembekal)
Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314

	RM		RM
Tunai	40,000	Modal	30,000
Inventori Barang Siap	60,000	Pemiutang Perniagaan	70,000
Jumlah Aset	**100,000**	**Jumlah Aset**	**100,000**

Pengiraan Zakat Perniagaan

Aset Semasa - Liabiliti Semasa = Aset Semasa Bersih ± Pelarasan = Jumlah kena Zakat

Peniaga A	RM
Tunai	40,000
Inventori Barang Siap	60,000
Jumlah Aset	**100,000**
Tolak: Oberderaf	70,000
Aset Semasa Bersih	30,000
Campur/Tolak Perlarasan	
Campur Oberderaf	70,000
Jumlah Aset kena Zakat	**100,000**
Zakat kena bayar 2.5%	**2,500**

Peniaga B	RM
Tunai	40,000
Inventori Barang Siap	60,000
Jumlah Aset	**100,000**
Tolak: Pemiutang Perniagaan	70,000
Aset Semasa Bersih	30,000
Campur/Tolak Perlarasan	
Tiada Perlarasan	
Jumlah Aset Kena Zakat	**30,000**
Zakat kena bayar 2.5%	**750**

2. Inventori Perniagaan dengan Liabiliti Perniagaan

Dalam amalan perakaunan semasa, terdapat pelbagai jenis inventori perniagaan mengikut jenis perniagaan. Bagi peniaga barang dagangan (*trading*), inventori perniagaannya adalah terdiri daripada barang siap sahaja. Inventori ini sedia untuk dijual pada bila-bila masa. Namun begitu timbul persoalan dalam beberapa kes seperti pengusaha pengilangan dan pemaju perumahan. Inventori perniagaan mereka terdiri daripada inventori barang siap, inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah.

Bagi pengusaha kilang khususnya terdapat layanan perakaunan zakat yang agak pelik dan sedikit mengelirukan. Kaedah taksiran zakat perniagaan JAKIM mengiktiraf inventori barang siap sahaja yang bagi memenuhi syarat kena zakat. Alasannya inventori ini sedia untuk dijual. Bagaimanapun inventori bahan mentah dan barang separuh siap tidak diiktiraf sebagai aset yang cukup

syarat kerana inventori ini masih belum sedia untuk dijual. Namun begitu, pada masa yang sama kaedah taksiran ini juga membenarkan tolakan bagi liabiliti daripada pembekal.

Bagi pengusaha perkilangan, liabiliti perniagaan mereka adalah berkaitan hutang bahan mentah. Maka timbul persoalan disini, inventori bahan mentah dan inventori bahan separuh siap tidak diambilkira dalam taksiran sedangkan liabiliti berkaitan bahan mentah dibenarkan tolakan. Akibat layanan perakaunan sedemikian, sebahagian besar sumber zakat hilang. Sila lihat kes 2 sebagaimana ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Berdasarkan kaedah taksiran zakat JAKIM, didapati peniaga borong akan dikenakan bayaran zakat sebanyak RM1,750.00 sedangkan peniaga pengusaha kilang pula dikenakan zakat sebanyak RM1,250.00 sahaja dengan perbezaan nilai sebanyak RM500. Ini bermakna peniaga borong yang memiliki inventori barang siap berpotensi dikenakan zakat lebih tinggi berbanding dengan pengusaha kilang yang mempunyai inventori barang mentah dan separuh siap. Bagaimana perkara ini dibenarkan berlaku sedangkan kedua-duanya adalah inventori. Ini memberi gambaran bahawa kaedah penaksiran zakat yang digunakan dalam kes melibatkan inventori tidak konsisten dan tidak adil ke atas sesetengah peniaga.

Jadual 2: Perniagaan dengan Inventori (Kes 2: Hipotetikal)

Peniaga Borong (Barang Siap)			
Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314			
	RM		RM
Tunai	50,000	Modal	70,000
Inventori Barang Siap	50,000	Pemiutang Perniagaan	30,000
Jumlah Aset	**100,000**	**Jumlah Aset**	**100,000**
Pengusaha Kilang			
Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314			
	RM		RM
Tunai	50,000	Modal	70,000
Inventori Barang Siap	30,000	Pemiutang Perniagaan	30,000
Inventori Bahan Mentah & Separuh siap	20,000		
Jumlah Aset	**100,000**	**Jumlah Aset**	**100,000**

Pengiraan Zakat Perniagaan

Aset Semasa - Liabiliti Semasa = Aset Semasa Bersih ± Pelarasan = Jumlah kena Zakat

Peniaga Borong	RM	**Pengusaha Kilang**	RM
Tunai	50,000	Tunai	50,000
Inventori Barang Siap	50,000	Inventori Barang Siap	30,000
		Inventori Bahan Mentah & Separuh siap	20,000
Jumlah Aset	**100,000**	**Jumlah Aset**	**100,000**
Tolak: Oberderaf	30,000	Tolak: Pemiutang Perniagaan	30,000
Aset Semasa Bersih	70,000	Aset Semasa Bersih	70,000
Campur/Tolak Perlarasan		Campur/Tolak Perlarasan	
Tiada Perlarasan		Tolak Inventori Bahan Mentah & Separuh Siap	20,000
Jumlah Aset kena Zakat	**70,000**	**Jumlah Aset Kena Zakat**	**50,000**
Zakat kena bayar 2.5%	**1,750**	**Zakat kena bayar 2.5%**	**1,250**

PENILAIAN SEMULA KAEDAH TAKSIRAN MELIBATKAN AKAUN HUTANG DAN AKAUN INVENTORI

1. Kes Akaun Hutang

Pertimbangan yang berbeza ke atas akaun hutang jelas menghasilkan nilai taksiran zakat yang berbeza. Perbezaan nilai taksiran tersebut didapati agak ketara iaitu sebanyak RM1750. Selain itu kesan negatif yang lebih serius ialah ia membebankan peniaga baru. Ini adalah kerana pada umumnya, majoriti peniaga baru terpaksa mendapat kemudahan hutang kewangan dari bank bagi membiayai perniagaan mereka. Pembekal masih belum mempunyai keyakinan dengan perniagaan mereka dan tidak bersedia untuk memberi kemudahan kredit dalam bentuk barangan. Ini bermakna peniaga baru akan dibebankan dengan bayaran zakat yang lebih tinggi berbanding peniaga yang sudah lama

dan mendapat kemudahan kredit daripada pembekal mereka. Kesan negatif tersebut menandakan satu keperluan supaya kaedah taksiran zakat dinilai semula bagi menghasilkan nilai taksiran yang lebih adil.

Dalam kes akaun hutang, persoalan yang ditimbulkan dalam perbahasan ialah tentang hutang wang diambil kira dalam taksiran zakat perniagaan sedangkan hutang barang tidak dikira dalam pengiraan zakat.

a) Tiada tolakan bagi hutang wang

Antara alasan kenapa hutang kewangan dicampur balik dalam pengiraan zakat mengikut kaedah taksiran zakat ini ialah hutang kewangan itu menjadi sumber kepada peniaga.[18] Hutang kewangan yang diperolehi menyebabkan berlaku pindah milik diantara pemberi hutang dengan penerima hutang. Oleh itu, penerima hutang kewangan memiliki aset dalam bentuk wang secara sempurna dan dengan itu ia dikenakan zakat. Hutang wang tidak ditolak daripada pengiraan zakat. Ini bermakna sumber yang dimiliki secara sempurna dikenakan zakat perniagaan. Keadaan sebaliknya dikatakan berlaku keatas hutang barang inventori yang dikategorikan sebagai milik tidak sempurna dan oleh itu ia tidak dikenakan zakat[19]. Oleh itu, hutang inventori dikenakan tolakan dalam pengiraan zakat. Namun begitu, alasan ini masih tidak cukup kukuh dan memerlukan semakan semula.

b) Tolakan bagi hutang wang

Menurut Abdullah Ibrahim[20], kontrak hutang sama ada hutang kewangan atau hutang barang perniagaan, akan menyebabkan berlaku pindah milik diantara pemberi hutang dengan penerima hutang. Oleh itu, penerima hutang kewangan atau penerima hutang barang perniagaan memiliki aset (sama ada wang atau barang perniagaan) secara sempuna dan bertanggungjawab membayar balik hutangnya sebagaimana dipersetujui dalam kontrak. Keadaan ini menunjukkan bahawa status hutang kewangan dan hutang inventori adalah sama di tangan penerima hutang.

Jika status aset di tangan peniaga sama ada hutang kewangan atau hutang inventori adalah sama maka status zakat ke atasnya juga sepatutnya adalah

---

18 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2001), *Panduan Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 37.

19 Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2006), *op.cit*., h. 295.

20 Abdullah Ibrahim (1997). *Zakat: Beberapa Masalah Semasa dan Penyelesaiannya.* Kubang Kerian: Pustaka Reka, h. 177.

sama. Jika hutang inventori dianggap liabiliti maka hutang kewangan juga adalah liabiliti. Berdasarkan kepada perbincangan diatas, liabiliti kewangan adalah sama tarafnya dengan liabiliti barangan dan sepatutnya liabiliti kewangan juga dibenarkan tolakan kerana ianya memiliki sifat yang sama sebagaimana liabiliti perniagaan (barangan). Kesan layanan yang sama ini akan menyebabkan kedua-dua peniaga dalam kes 1 ini membayar zakat pada jumlah yang sama iaitu RM 750 bagi tahun kewangan berkenaan. Sebaliknya jika tidak diberikan tolakan kerana telah dianggap sebagai milik sempurna maka kedua-dua jenis hutang tersebut dikira dalam pengiraan zakat dan zakat bagi kedua-dua peniaga ialah RM2500.

Pengiraan semula zakat perniagaan sekiranya dibenarkan tolakan bagi kes hutang wang dan hutang barangan adalah seperti ditunjukkan didalam Jadual 3 iaitu sebanyak RM750. Pendapat ini selaras dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Akademi Perundangan Islam di Jeddah (tanpa tarikh) tentang zakat atas hutang. Fatwa berkenaan membenarkan zakat atas hutang dibayar oleh pemberi hutang (bank) apabila peminjam mampu dan kaya. Ini bermakna peminjam (peniaga) dibenarkan tolakan dalam taksiran zakat perniagaan bagi hutangnya kepada pihak bank.

Jadual 3: Pengiraan Zakat Perniagaan atas Hutang (Tolakan)

Peniaga A	RM
Tunai	40,000
Inventori Barang Siap	60,000
Jumlah Aset	**100,000**
Tolak: Oberderaf	70,000
Aset Semasa Bersih	30,000
Campur/Tolak Perlarasan	
Tiada Perlarasan	
Jumlah Aset kena Zakat	**30,000**
Zakat kena bayar 2.5%	**750**

Peniaga B	RM
Tunai	40,000
Inventori Barang Siap	60,000
Jumlah Aset	**100,000**
Tolak: Pemiutang Perniagaan	70,000
Aset Semasa Bersih	30,000
Campur/Tolak Perlarasan	
Tiada Perlarasan	
Jumlah Aset Kena Zakat	**30,000**
Zakat kena bayar 2.5%	**750**

Nota: **Pengiraan Zakat Perniagaan**

Aset Semasa - Liabiliti Semasa = Aset Semasa Bersih ± Pelarasan = Jumlah kena Zakat

Di Pakistan[21], liabiliti kewangan yang wujud akibat membiayai aset-aset kena zakat dibenarkan tolakan dari aset zakat. Oleh itu adalah wajar hutang/liabiliti kewangan (*financial debts*) khususnya berkaitan pembiayaan operasi seperti overderaf, nota belum bayar dan lain-lain instrumen hutang jangka pendek dibenarkan tolakan daripada aset zakat sebagaimana liabiliti perdagangan (*trade creditors*). Prinsip pemberian tolakan atau tidak tolakan ini perlu jelas dan konsisten supaya nilai taksiran yang dihasilkan juga konsisten.

2. Kes Akaun Inventori

Ulama klasik telah cuba mengenalpasti sebab-sebab kebolehzakatan sesuatu kekayaan[22]. Antara prinsip yang diperkenalkan oleh mereka bagi menentukan kebolehzakatan sesuatu aset ialah pertumbuhan (*al-namā'*). Maksud prinsip berkembang ialah sesuatu yang memberi pulangan kepada pemiliknya keuntungan dan manfaat dan juga apa-apa lebihan yang diperolehi akibat memiliki sesuatu aset itu. Sifat berkembang adalah berdasarkan nas-nas al-Quran dan al-Hadis tentang harta-harta yang wajib dikenakan.[23]

Prinsip ini kerap digunapakai dalam ekonomi dan dijadikan sebagai satu illat atau sebab dalam sistem zakat. Melalui prinsip ini, objek zakat boleh diperluaskan lagi kepada harta lain yang berkembang secara semulajadi atau dengan cara daya usaha.[24] Ulama menetapkan syarat bahawa sesuatu aset boleh dikenakan zakat apabila ianya sama ada sebenarnya berlaku pertumbuhan atau berpotensi untuk berlaku pertumbuhan. Oleh itu sesuatu aset yang tidak berlaku perkembangan atau tidak berpotensi berlaku perkembangan seperti hutang lapok, inventori rosak nilai atau lapok, dan aset tetap tidak dikenakan zakat. Prinsip ini akan digunakan dalam menilai sama ada inventori patut dikenakan zakat atau sebaliknya.

---

21 Maulana Taqi Usmani (2005), "Questions and Answers". *The Pakistan Accountants*. 38 (4), Julai-Ogos, h. 5

22 Al-Qaradawi membahaskan pandangan ulama klasik dari Mazhab Hanafi, Maliki, Syafei dan Hanbali dan lain-lain pandangan ulama silam tentang syarat-syarat kebolehzakatan sesuatu kekayaan. Lihat Yusof al-Qaradawi (1996), *op.cit.,* hh. 122-166.

23 *Ibid.,* hh. 138-143.

24 Mujaini Tarimin (1990), *Zakat Pertanian, Sistem dan Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10, Mujaini Tarimin (2000), *Zakat Pendapatan (al-Mal al-Mustafad): Hukum dan Persoalannya*, Kuala Lumpur: Khaisa Services, h. 10.

Dalam kes akaun inventori persoalan yang dibahaskan ialah sama ada inventori bahan mentah patut dikecualikan dari zakat sedangkan inventori barang siap dikenakan zakat.

a) Tolakan bagi inventori bahan mentah

Alasan yang diberikan mengapa tolakan diberikan kepada inventori bahan mentah dan separuh siap ialah ia tidak produktif, tidak berkembang dan belum diperdagangkan.[25] Keadaan ini berbeza dengan inventori barang siap yang telah sedia ada untuk diperdagangkan dan dianggap produktif serta boleh berkembang.

b) Tiada tolakan bagi inventori bahan mentah

Aset tetap sebenarnya mempunyai sifat berkembang dan produktif dalam jangka masa panjang[26]. Selain itu aset tetap juga boleh dianggap sebagai berpotensi untuk berkembang. Oleh itu, aset tetap dikenakan zakat setelah cukup haul setahun seperti zakat haiwan atas alasan berkembang atau berpotensi untuk berkembang[27]. Inventori bahan mentah dan separuh siap sebaliknya dapat berkembang mungkin dalam jangka masa yang lebih singkat. Oleh itu inventori bahan mentah dan separuh siap boleh dianggap produktif dan boleh berkembang kerana ia akan segera diperdagangkan. Lantaran itu, alasan inventori bahan mentah dan inventori bahan separuh siap tidak berkembang dan tidak produktif adalah tidak diterima kerana tempoh aset ini dikembangkan tidaklah terlalu panjang sebagaimana aset tetap yang rata-rata hayatnya melebihi satu tahun. Malah, inventori ini mempunyai hayat yang singkat dan hanya menunggu bertukar menjadi barang siap. Kadang-kadang tempoh pertukaran *(conversion period*) mengambil masa kurang daripada 6 bulan bergantung kepada jenis produk.

Sebaliknya, kadang-kadang berlaku inventori barang siap juga memerlukan masa yang sama untuk dikembangkan sebagaimana tempoh pertukaran untuk berpindah tangan daripada pembekal kepada pembeli. Oleh itu tempoh barang-barang sedia untuk dijual dan tempoh bahan mentah sedia untuk dikilangkan dalam banyak keadaan adalah sama. Oleh itu amat wajar kedua-dua inventori ini diambilkira dalam taksiran zakat perniagaan secara konsisten.

---

25 Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2006), *op.cit*., h. 295.

26 Kahf, Monzer (1989), "Zakat: Unresolved Issues in Contemporary Fiqh", *Journal of Islamic Economics*, Aug-Sept, h. 20.

27 Al-Qaradawi (1996), *op.cit*.

Oleh yang demikian, aset inventori bahan mentah dan inventori barang siap masih mempunyai sifat berkembang dan wajar ianya diambilkira dalam taksiran zakat perniagaan. Malah aset tunai yang tidak dilaburkan pun boleh dimakan zakat, inikan pula inventori bahan mentah dan inventori barang siap yang berpotensi mendapatkan pulangan keuntungan pada bila-bila masa. Berdasarkan hujahan di atas, kedua-dua item dalam lembaran imbangan diatas perlu dipertimbang semula bagi melahirkan satu taksiran zakat perniagaan yang seragam dan adil kepada semua pembayar zakat.

Oleh yang demikian, kes inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah tidak diambilkira dalam pengiraan zakat perniagaan memerlukan semakan semula. Kaedah khusus mungkin perlu dikenalpasti bagi menentukan bagaimana nilai tolakan inventori bahan mentah yang dibenarkan. Kaedah yang diamalkan oleh negara luar mungkin boleh digunakan sebagai panduan.

Dalam taksiran zakat perniagaan di Pakistan, selain inventori barang siap, inventori bahan mentah dan inventori barang separuh siap juga diambilkira dalam pengiraan zakat perniagaan dan membenarkan tolakan bagi liabiliti perniagaan berkaitan bekalan bahan mentah tersebut[28]. Mereka mengkategorikan inventori bahan mentah dan inventori barang separuh siap sebagai aset dikenakan zakat kerana masing-masing disediakan untuk tujuan perdagangan.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan menilai semula kaedah perakaunan zakat kerana amalan semasa mempunyai prinsip yang tidak konsisten. Hutang kewangan dan hutang bukan kewangan serta inventori barang siap dan inventori separuh siap diberi layanan yang berbeza sedangkan sifatnya adalah sama. Ketidak konsistenan ini telah menghasilkan nilai taksiran zakat yang berbeza. Penilaian semula perlu dilakukan khususnya dalam kes hutang dan inventori dalam kaedah penaksiran dan perakaunan zakat bagi menghasilkan nilai taksiran yang konsisten. Apa yang penting ialah prinsip perlu konsisten dalam memberi atau tidak memberi tolakan daripada taksiran zakat khususnya bagi dua item tersebut. Amalan perakaunan zakat perniagaan negara lain seperti Pakistan mungkin boleh digunakan sebagai contoh dan perbandingan.

---

[28] Maulana Taqi Usmanī (2005), *op.cit*., h. 5.

RUJUKAN

Abu al-Hasan Ṣadiq (1994), A *Survey of The Institution of Zakah: Issues, Theories and Administration.* Jeddah: Islamic Research and Training Institute.

Abdullah Ibrahim (1997), *Zakat: Beberapa Masalah Semasa dan Penyelesaiannya.* Kubang Kerian: Pustaka Reka.

Ahmad Othman (2003), "Penilaian Aset Dalam Taksiran Zakat Perniagaan: Amalan di Malaysia", (Tesis Sarjana, UKM).

Al-Quran (1995). *Terjemahan Pimpinan Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *Panduan Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Kahf, Monzer (1989), "Zakat: Unresolved Issues in Contemporary Fiqh", *Journal of Islamic Economics*. Aug-Sept.

Malaysian Accounting Standards Board (2005), *Financial Reporting Standard*, No. 1.

Maulana Taqi Usmani (2005), "Questions and Answers". *The Pakistan Accountants*. 38(4): Julai-Ogos.

Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef (2008), "Debatable Issues In Fiqh Al-Zakat: A Jurisprudential Appraisal", *Jurnal Fiqh* 5, 117-141.

Mohamed Abdul Wahab *et al*. (1995), "Case Study in Malaysia- Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications", (Seminar Proceeding No. 23, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank).

Mujaini Tarimin (1990), *Zakat Pertanian, Sistem dan Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mujaini Tarimin (2000), *Zakat Pendapatan (al-Mal al-Mustafad): Hukum dan Persoalannya*. Kuala Lumpur: Khaisha Services.

Nik Mustapha bin Hj. Nik Hassan (1987), "Zakat in Malaysia – Present and Future Status", *Journal of Islamic Economics,* Aug-Sept, 47-75.

Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2006), "Kajian Perbandingan Syarat-syarat Penaksiran Zakat Perniagaan Malaysia dengan FAS AAOIFI", dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

The Islamic Digital Library (t.t). "The Fatwas delivered by the Islamic Jurisprudence Academy in Jeddah", (Organization of Islamic Conferences).http://zakat.islamicdigitallibrary.com/def/default.asp?1=eng&filename=Quest/desc/item6/i, 23 Jan. 2002.

Yusof al-Qaradawi (1996), *Hukum Zakat*. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin (terj.), Bandung: Litera AntarNusa dan Mizan.

Wahbah al-Zuhaili (1995), *Zakat: Kajian Berbagai Mazhab*. Agus Effendi dan Bahruddin Fannany (terj.), Bandung: P.T. Remaja Rosdakarya.

Wahbah al-Zuhaili (1999), *Fiqh & Perundangan Islam*, Md Akhir Haji Yaacob *et al*. (terj), Jilid II, (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.